



Bahan asal dari Arkib
-Negara Malaysia

Awasi konsep pengaliran bebas maklumat — Adib

KUALA LUMPUR, Selasa — Media massa dan wartawan negara-negara ASEAN hari ini diingatkan supaya berwaspada dengan pencemaran asing dalam kebudayaan dan nilai-nilai mereka dalam memperjuangkan konsep pengaliran bebas maklumat.

Menteri Penerangan, Encik Mohamad Adib Haji Adam berkata, konsep pengaliran bebas maklumat adalah sesuai diamalkan jika ketidakseimbangan di dalam sistem-sistem komunikasi antara berbagai masyarakat dapat diperbetul.

Tetapi, negara-negara ASEAN perlu berhati-hati implikasi konsep itu kerana ia mungkin mengakibatkan pen-

cemaran kebudayaan dan nilai-nilai mereka oleh pihak asing.

Berucap merasmikan Seminar ASEAN mengenai Media Massa dan Pertukaran Wartawan di sini, Encik Mohamad Adib berkata, mereka perlu beringat supaya tidak timbul keadaan di mana pihak yang lebih kuat menyebarkan maklumat dapat 'menakluk' yang lemah dalam perubahan komunikasi dan nilai-nilai.

Memandangkan hakikat ini, negara-negara ASEAN memerlukan usaha lebih banyak untuk mengurangkan jurang yang menyebabkan ketidakseimbangan aliran maklumat antara negara-negara membangun dengan negara-negara maju.

Beliau juga

menegaskan perlunya mereka mengamalkan hanya kebudayaan dan nilai-nilai yang sesuai dari negara-negara lain dalam usaha memperkayakan kebudayaan dan nilai-nilai hidup ASEAN.

Mengimbangi

"Ini adalah untuk mengelak pencemaran akibat nilai dari luar yang tidak sesuai dengan keperluan rantau ini," ujarnya.

Encik Mohamad Adib memberi contoh negara ini yang secara tidak sedari telah menjadi mangsa kebudayaan dan sosial luar dan mendapati sukar untuk mencegah banjir maklumat yang tidak sihat itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, pelaksanaan Dasar Memandang Ke Timur anjuran Perdana

Menteri tepat pada masanya untuk mengimbangi banjir sosial dan kebudayaan dari barat dengan yang dari timur.

Menteri itu juga menyeru negara-negara Asean bersatu tenaga untuk menentukan masyarakat mewah tidak dibenarkan menggunakan cara pemikiran Imperialis ke atas masyarakat negara-negara membangun.

"Dalam hubungan ini, satu penalaran dan pendekatan hendaklah ditimbang secara serius bagi mengatasi soal ketidakseimbangan itu," tambahnya.

Seramai 49 wakil dan pemerhati dari kelima-lima negara ASEAN menghadiri seminar empat hari itu yang dianjurkan oleh Kementerian Penerangan.

● MENTERI Penerangan, Encik Adib Haji Adam (kanan) bersalaman dengan Pengarang Kumpulan New Straits Times, Dr. Noordin Sopiee, salah seorang wakil Malaysia ke seminar tersebut.